

Jaya atasi 'saingan' ke sekolah perubatan

4 Melayu-Islam pertama masuk fakulti perubatan NTU

► ANISA ABDULLAH
aanisa@sph.com.sg

EMPAT daripada 90 pelajar perubatan generasi ketiga Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) tahun ini merupakan kumpulan pelajar Melayu-Islam yang pertama di Singapura.


Mereka menjalani pemilihan ketat. Daripada 800 pemohon, 350 dipilih selepas lulus peperiksaan BioMedical Admissions Test (BMAT) dengan cemerlang dan akhirnya 90 pelajar dipilih selepas menjalani interviu dengan panel terdiri daripada beberapa profesor perubatan.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah Encik Muhammad Fadzil Kamarudin, 22 tahun; Cik Shafiqah Shahrin, 19 tahun; Encik Johan Saiful Mizra, 19 tahun; dan Encik Nicolas Khairul Bureau, 19 tahun; semasa ditemui selepas majlis induksi itu.

Bagi Encik Fadzil, bekas pelajar Maktab Rendah Pioneer, ia merupakan pencapaian besar kerana beliau merupakan satu-satunya pelajar dari maktab rendah kejiranan.

"Saya gembira dan bersyukur dapat belajar di LKCMedicine selepas berusaha keras untuk menceburi bidang ini," ujarnya.

Beliau menganggap perjalanannya



BERTEKAD MENJADI DOKTOR PERUBATAAN: Mahasiswa Sekolah Perubatan Lee Kong Chian dari NTU (dari kiri) Encik Fadzil Kamarudin, Cik Shafiqah Shahrin, Encik Nicolas Khairul Bureau dan Encik Johan Saiful Mizra melahirkan impian mereka menjadi doktor perubatan setelah menerima kot putih, lambang seorang doktor, mereka semalam petang. — Foto M.O. SALLEH

sukar kerana tiada pelajar senior yang boleh menghulur bantuan melalui proses kelayakan ke jurusan itu.

"Namun, saya jadikan itu sebagai pendorong," ujamya.

Cik Shafiqah pula tidak sangka mendapat tempat.

"Dari mula memang tiada jaminan boleh memasuki jurusan ini, apatah lagi saya diletak dalam senarai menunggu.

"Walau berasa peluang menjadi seorang doktor mungkin terlepas, saya tidak putus asa dan terus mencuba," kata bekas pelajar Maktab Rendah Victoria itu.

Encik Johan Saiful Mizra, bekas pelajar Maktab Rendah Raffles, juga terkejut dan bangga diterima.

Encik Nicolas Khairul Bureau, kakucan Perancis dan Melayu, berpendapat.

"Saya rasa doktor Melayu kurang dalam

bidang perubatan. Jadi, saya rasa ia tanggungjawab saya dan rakan-rakan memasuki bidang ini," kata bekas pelajar Sekolah Anglo-Chinese (Bebas) itu.